

05 MAY 2001

Lim-Minyak Sawit

MALAYSIA HARAP INDIA AKAN KURANGKAN DUTI IMPORT MINYAK SAWIT

BIDOR, 5 Mei (Bernama) -- Malaysia akan membangkitkan isu duti import yang tinggi terhadap minyak sawit oleh kerajaan India berbanding minyak kacang soya dalam lawatan Perdana Menteri negara itu, Atal Behari Vajpayee ke Malaysia minggu depan.

Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata lawatan itu akan memberi peluang baik kepada Malaysia membangkitkan isu berkenaan.

Lim berkata beliau yakin Perdana Menteri India itu akan bersimpati dengan Malaysia kerana perbezaan duti yang tinggi itu menjejaskan eksport ke negara itu dan harga pasarannya.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) telah bersetuju membangkitkan perkara itu dengan rakan sejawatnya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan makan malam di sini.

Pada masa ini, India mengenakan import duti 92.4 peratus terhadap minyak sawit dan 50.8 peratus bagi minyak kacang soya.

"Ini menyebabkan diskaun bagi minyak kacang soya berada pada kadar US\$80 satu tan. Dengan harga minyak sawit US\$220 satu tan sekarang, diskaun US\$80 itu melibatkan wang yang banyak," katanya.

Lim berkata pasaran minyak sawit di India adalah besar dengan eksport Malaysia ke negara itu pada tahun lepas berjumlah kira-kira 2.4 juta tan dan Indonesia pula antara 800,000 hingga 900,000 tan.

Beliau berkata sudah tiba masanya bagi India menurunkan tarif supaya sama dengan minyak kacang soya kerana hasrat kerajaannya menggalak penanaman kacang soya tidak tercapai.

"Mereka mahu petani menanam kacang soya tetapi ia tidak tercapai. Jika mereka mahu berbuat demikian, mereka patut membiarkan minyak kacang soya berada pada harga lebih tinggi dalam pasaran," katanya.

Lim berkata beliau bertemu dengan beberapa orang menteri di India semasa lawatannya dan mereka memahami pandangan Malaysia berhubung perkara itu.

Lim berkata beliau yakin harga minyak sawit yang jatuh agak teruk dalam beberapa bulan kebelakangan akan meningkat naik menjelang akhir tahun hasil daripada beberapa langkah yang dilakukan oleh kerajaan.

"Ia akan meningkat ekoran stok rendah dan pengeluaran rendah. Jika usaha berganda kita menggunakan minyak sawit sebagai bahanapi dan kempen agresif menggalak pekebun kecil dan estet menanam semula berjaya, ia akan membawa kesan yang baik," katanya.

Pasaran juga akan bertambah baik jika India bersetuju mengurangkan tarif terhadap import minyak sawit, tambah Lim.

-- BERNAMA

AR NZ MOZ